

NO. SOALAN: 59

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJI MOHD ZAIM BIN ABU HASAN
[PARIT]**

RUJUKAN : 7256

SOALAN:

Dato' Haji Mohd Zaim bin Abu Hasan [Parit] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah boleh Kerajaan negeri menubuhkan pasukan keselamatannya sendiri sepertimana yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Jika boleh apakah syarat-syarat yang perlu dipatuhi.

JAWAPAN:

Suka dimaklumkan bahawa *supremacy* (undang-undang utama) Perlembagaan Persekutuan telah termaktub secara jelas di bawah Fasal 1 Perkara 4 dan Perkara 75 Perlembagaan Persekutuan. Hal-hal berkaitan keselamatan dalam negeri yang diperuntukkan di bawah Seksyen 3 Jadual Kesembilan Bahagian XV Perlembagaan Persekutuan telah diletakkan di bawah Senarai Persekutuan termasuk penubuhan satu-satu pasukan keselamatan bagi maksud ketenteraman awam. Oleh itu, mana-mana pertubuhan yang bergerak dan beroperasi secara tidak sah boleh diambil tindakan di bawah Seksyen 5 Akta Pertubuhan 1966 [Akta 335].

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN BERTULIS : DATO' HAJI MOHD ZAIM BIN ABU
DARIPADA HASAN [PARIT]**

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Dato' Haji Mohd Zaim bin Abu Hasan [Parit] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan statistik pelajar mengikut pecahan kaum yang telah menerima bantuan PTPTN semenjak 10 tahun yang lepas. Daripada jumlah tersebut berapa ramai lagi mengikut kaum yang masih belum melangsaikan hutang mereka.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Pada tahun 1997 hingga 30 September 2014, sejumlah 2,149,555 orang peminjam mendapat pinjaman Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional sehingga tamat pengajian dengan jumlah pembiayaan sebanyak RM48.36 bilion. Daripada jumlah tersebut, sejumlah RM39.91 bilion telah dikeluarkan kepada pelajar.

Pada tempoh yang sama, seramai 1,555,085 orang peminjam perlu membuat bayaran balik. Daripada jumlah tersebut seramai 996,610 (64.1 peratus) orang peminjam telah membuat bayaran balik, manakala seramai 558,475 (35.9 peratus) orang peminjam masih belum membuat bayaran balik.